



# KHAIRAT KEMATIAN DARUSSALAM

**SISTEM PENGURUSAN KHAIRAT KEMATIAN  
DARUSSALAM TAMAN SCIENTEX**

**SCAN ME**

- Pendaftaran Ahli
- Semakan Bayaran
- Kemaskini Tanggungan

Pay with **toyyibPay**

**VISA** **maybank2u.com** **CIMB Clicks**  
**BANK ISLAM** **connectFirst** **RHB Now** and others...

<https://www.e-khairat.com/darussalam>

## Isi Kandungan

- 1. Mukadimah**
- 2. Latar Belakang Khairat Kematian Darussalam**
- 3. Tujuan Dan Matlamat**
- 4. Faedah sebagai Ahli Khairat Kematian Darussalam**
- 5. Pendaftaran sebagai Ahli**
- 6. Syarat-Syarat sebagai Ahli**
- 7. Tuntutan Ahli atau Waris**
- 8. Kos Pengurusan Jenazah Terkini (2024)**
- 9. Apa yang perlu di buat, Bila berlaku kematian**
- 10. Perlembagaan Pertubuhan**

PPM-032-01-18022015



**MALAYSIA**

*AKTA PERTUBUHAN 1966*  
PERATURAN-PERATURAN PERTUBUHAN 1984

BORANG 3  
(Peraturan 5)

## **SIJIL PENDAFTARAN**


*Adalah diperakui bahawa*

**PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN DARUSSALAM TAMAN SCIENTEX, PASIR GUDANG, JOHOR  
SURAU DARUSSALAM, JALAN KENARI, TAMAN SCIENTEX,  
81700 PASIR GUDANG, JOHOR BAHRU,  
JOHOR**

*hari ini didaftarkan sebagai suatu pertubuhan di bawah Seksyen 7  
Akta Pertubuhan 1966 dan bahawa nombor pendaftarannya ialah*

**PPM-032-01-18022015**

*Diperbuat dengan ditandatangani oleh saya pada*  
**18 haribulan Februari 2015**



A handwritten signature in black ink.

**(DATO' MOHAMMAD RAZIN BIN ABDULLAH)**

*Pendaftar Pertubuhan,  
Malaysia*

## 1. MUKADIMAH

- a. Kematian itu Adalah satu kepastian:

*Dan bagi tiap-tiap umat ada tempoh (yang telah di tetapkan); maka apabila datang tempohnya, tidak dapat mereka di kemudikan walau sesaat pun, dan tidak dapat pula mereka didahulukan.*  
**Al-A'Raaf; ayat 34**

Program Khairat Kematian ini merupakan program **sukarela** yang menawarkan perkhidmatan pengurusan Jenazah untuk ahli yang berdaftar dan juga untuk mereka yang tidak berkemampuan dengan kos pengurusan jenazah zaman ini. Sebagai ahli khairat, kita bukannya bersiap menunggu masa untuk kematian, tapi dengan menjadi ahli kita dapat membantu keluarga orang lain yang menerima musibah kematian.

Inshaallah dengan sumbangan konsisten setiap ahli pada setiap tahun, kita bukan sahaja dapat membantu orang lain, malah kita juga dapat berwakaf dalam pembangunan dan kelengkapan pengurusan jenazah. Mudah-mudahan niat kita sebagai ahli untuk membantu orang lain menjadi satu jariah kepada pertubuhan ini.

## 2. LATAR BELAKANG KHAIRAT KEMATIAN DARUSSALAM

- a. Pertubuhan ini dikenali dengan nama:  
b. **"PERTUBUHAN KHAIRAT KEMATIAN DARUSSALAM TAMAN SCIENTEX, PG. JOHOR"** No Rujukan: **PPM-032-01-18022015**  
c. Di daftarkan dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia pada 18 Febuari 2015  
d. Diuruskan oleh AJK Pertubuhan Khairat Kematian Darussalam Yang telah dilantik, dengan persetujuan Ahli nya sendiri.  
e. Alamat berdaftar: **Surau Darussalam, Jalan Kenari Utama, Taman Scientex 81700 Pasir Gudang, Johor Bahru, Johor.**  
f. Alamat berdaftar ini tidak boleh berubah tanpa mendapat persetujuan atau kebenaran bertulis daripada AJK Khairat Kematian Darussalam.

## 3. TUJUAN DAN MATLAMAT

- a. Memberi bantuan kewangan untuk belanja pengurusan pengebumian ahli dan tanggungan ahli termasuk anak, suami/isteri ahli yang telah meninggal dunia.  
b. Membantu meringankan tanggungan Ahli atau Waris yang menerima musibah / kematian.  
c. Merapatkan silatullah dan permuafakatan di antara sesama kariah.  
d. Bersatu bersama memikul tanggungjawab sesama islam

## 4. FAEDAH SEBAGAI AHLI KHAIRAT KEMATIAN DARUSSALAM

- a. Apabila berlaku kematian. Ahli atau Waris, akan menerima bantuan, samaada berbentuk kewangan, mengikut jumlah yang telah di tetapkan Ataupun Pengurusan jenazah sekiranya diperlukan sesegera yang mungkin.  
b. Setiap Ahli akan diberikan **Pelekat (Sticker) Tahunan** berserta nombor-nombor penting yang boleh dihubungi bila berlaku musibah/kematian.

## 5. PENDAFTARAN SEBAGAI AHLI

- a. Keahlian di buka kepada semua Kariah Taman Scientex dan juga kawasan sekitarnya.
- b. Individu yang beragama Islam berumur diantara 21 hingga 60 tahun.
- c. Permastautin yang dibenarkan oleh Kerajaan mengikut syarat-syarat dan undang-undang Malaysia.
- d. Hanya seorang (1 orang) ketua keluarga sahaja yang boleh berdaftar sebagai Ahli.
- e. Borang permohonan perlu di isi dengan lengkap, bagi memudahkan proses pendaftaran. Pendaftaran hanya boleh di buat secara "Online" Laman sesawang: <https://www.e-khairat.com/darussalam> dan pembayaran boleh di buat terus dengan FPX payment di laman web yang sama, **hanya selepas keahlian di Luluskan.**

Yuran Pendaftaran : RM 10.00 (Ringgit Malaysia Sepuluh Sahaja)

**Yuran Tahunan** : **RM 60.00** (Ringgit Malaysia Lima Puluh Sahaja) *dengan nisbah RM 5.00 sebulan*

JUMLAH BAYARAN KEAHLIAN BARU : **RM70.00**

- f. Yuran tahunan ini adalah termasuk 10% kos pengurusan Pertubuhan Khairat Kematian Darussalam.
- g. **Tanggungjawab** yang di senaraikan perlulah terdiri dari pada ahli keluarga di bawah tanggungan dan **tinggal bersama** kecuali Ibu, Bapa, Ibu Mertua dan Bapa Mertua. Senarai tanggungan yang di benarkan ada lah seperti berikut;
  - a) Suami atau Isteri kepada Ahli. (Pasangan Ahli)
  - b) Anak Kandung dan Anak Angkat yang di Sahkan (Mempunyai Sijil dari JPN) dan Berumur 18 tahun kebawah.
  - c) Anak yang masih menuntut di IPTA, IPTS dan Kolej, berumur 18 tahun hingga 24 tahun sahaja. *(Perlu di lampirkan Salinan Kad Pelajar sebagai bukti ketika membuat tuntutan)*
  - d) Anak OKU yang berumur 18 tahun keatas. *(memegang kad OKU dan **tidak boleh bekerja**)*
  - e) Ibu/Bapa dan Ibu/Bapa Mertua, yang *Tinggal Bersama ataupun yang Tinggal berasingan Adalah di benarkan*
- h.
  - i. **Keahlian hanya akan di sahkan dalam tempoh sebulan atau 30 hari dari tarikh pendaftaran.**
  - ii. **Bayaran perlu dibuat dalam tempoh sebulan atau 30 hari selepas di sahkan keahlian.**
  - iii. **Keahlian akan Aktif sepenuhnya dalam tempoh 2 bulan atau 60 hari. (anggaran keahlian akan aktifkan dalam tempoh 2 bulan dari tarikh pendaftaran)**
- i. Jawatankuasa Pertubuhan Khairat Kematian Darussalam berhak menolak permohonan yang tidak lengkap atau mendapati maklumat yang di berikan adalah palsu.

## 6. SYARAT-SYARAT SEBAGAI AHLI

- a. Individu yang telah berdaftar sebagai Ahli hendaklah mematuhi syarat-syarat yang telah di tetapkan oleh Pertubuhan Khairat Kematian Darussalam untuk kebaikan bersama.
- b. Yuran tahunan keahlian sebanyak **RM60.00**, harus lah di jelaskan di antara **01 Januari** hingga **31 Mac** setiap tahun.
- c. **Ahli yang gagal menjelaskan yuran tahunan** untuk tahun berkenaan **selepas 31 Mac**, tidak layak untuk membuat tuntutan sekiranya berlaku musibah. Keahlian hanya akan di aktifkan setelah menyelesaikan bayaran tertunggak.
- d. Sekiranya ahli tidak membuat bayaran pada tahun ini, tetapi ingin menyambung keahlian pada tahun berikutnya, maka ahli perlulah juga menjelaskan tunggakan tahun sebelumnya.

- e. Keahliannya akan di lucutkan setelah **2 tahun tidak aktif** dan sekitarnya ingin menyambung semula, perlulah membuat pendaftaran semula sebagai ahli baru pada tahun seterusnya.
- f. Hanya Ahli atau **tanggung yang didaftarkan dan disahkan oleh AJK Khairat sahaja yang layak membuat tuntutan.**
- g. Ahli/Waris perlu menguruskan sendiri perkara-perkara yang berkaitan dengan laporan / pendaftaran dengan Polis dan Hospital.
- h. Ahli/Waris perlu menguruskan sendiri urusan pengubumian di **luar kawasan Pasir Gudang, Johor.**
- i. Mana-mana Ahli yang telah digugurkan keahlian atau tidak Aktif, **tidak** berhak memohon tuntutan atau faedah daripada Pertubuhan Khairat Kematian Darussalam. Begitu juga dengan warisnya.
- j. Kemaskini data Ahli. Layari: <https://www.e-khairat.com/darussalam/home>
  - a) Ahli boleh mengemaskini data sendiri. (*No Telefon dan email yang aktif amat di perlukan*)
  - b) Menambah tanggungan: Ahli boleh menambah dan mengemaskini tanggungan sendiri. AJK akan menyemak kelayakkan tanggungan dan meluluskannya. Atau Boleh menghubungi Bendahari atau Setiausaha untuk bantuan.
  - c) Ahli yang berpindah ke alamat baru, perlulah memaklumkan pihak Khairat bagi memudahkan pengurusan.

## 7. TUNTUTAN AHLI atau WARIS

- a. Apabila berlaku kematian, Ahli/Waris boleh membuat tuntutan mengikut jumlah yang telah di tetapkan.
 

a) Kematian Ahli	RM 1100.00
b) Isteri atau Suami kepada Ahli berdaftar	RM 1000.00
c) Anak ( <i>dibawah Tanggungan</i> )	RM 700.00
d) Ibu Bapa / Ibu Bapa Mertua	RM 400.00

  - e) Kematian akibat kemalangan atau kematian mengejut yang melibatkan lebih dari seorang (multiple death).
    - i) Kematian individu pertama: Mendapat bayaran penuh dari ketetapan di atas.
    - ii) Kematian individu Kedua, ketiga dan seterusnya akan mendapat separuh dari bayaran yang ditetapkan di atas dengan jumlah maksimum keseluruhan tidak melebihi RM 3000.00 (Ringgit Malaysia Tiga Ribu)
- b. Pengurusan Jenazah termasuk memandikan, menyediakan kain kafan, mengkafankan, solat Jenazah dan sehingga pengebumian akan di bantu oleh AJK dan kariah selagi pengurusan jenazah di lakukan di **sekitar Kariah Surau Darussalam Taman Scientex.**
- c. Sekiranya kematian berlaku di luar Pasir Gudang, Ahli atau waris perlu berhubung dengan pengurusan jenazah berdekatan dan hanya perlu memaklumkan kami untuk proses tuntutan sahaja.
- d. **Setiap tuntutan perlulah di sertakan dengan**
  1. Nama & salinan Kad Pengenalan si mati.
  2. Salinan Kad Pengenalan Ahli
  3. Salinan Sijil Kematian
  4. Isi Borang Tuntutan
- e. Tuntutan **TIDAK** boleh di buat selepas 1 tahun atau 12 bulan berlakunya kematian.

**8. KOS PENGURUSAN JENAZAH TERKINI (2025)**

Pengurusan Jenazah dan Pengurusan Tanah Perkuburan (Wakaf) Islam Pasir Gudang, anjuran Pertubuhan Khairat Kematian Darussalam Taman Scientex

a) Memandikan dan mengkafankan Jenazah	RM	500.00
b) Pengendalian dan Perkhidmatan Lahat Kubur, Solat dan Talkin	RM	300.00
c) Kenderaan Jenazah (untuk sekitar Pasir Gudang Sahaja)	RM	150.00
d) Kenderaan Jenazah dari Hospital ke Tanah Wakaf Pasir Gudang	RM	200.00

*Kenderaan Jenazah untuk ke Luar Kawasan Pasir Gudang – Sila Hubungi AJK Khairat*

**NOTA:** Perubahan kos pengurusan di atas adalah tertakluk kepada perubahan kos semasa



Tanah Perkuburan Mutmainnah Pasir Gudang, Johor. Di bawah penyelenggaraan Majlis Bandaraya Pasir Gudang (MBPG)


**9. Apa yang anda perlu lakukan sekiranya berlaku Kematian di Khariah SURAU DARUSSALAM.**

1. **Waris** atau **Jiran** perlu menghubungi, Khairat Kematian Darussalam
  - a) AJK Khairat Kematian Darussalam atau AJK Surau dengan menyatakan
    - i) **No. Ahli** arwah *atau*
    - ii) **Nama** Arwah
    - iii) **Alamat**
    - iv) No Kad Pengenalan atau Gambar Depan Kad Pengenalan arwah

*Ini adalah **PERKARA PENTING** yang perlu di nyatakan bagi memudahkan pengurusan dan semakan*

2. Buat Laporan Polis

3.



Membuat Pengumuman & Hebahan Setempat

**Menguruskan Jenazah**

- Menghubungi pengurusan Jenazah
- Pengangkutan
- Sekiranya Hendak di semadikan di Pasir Gudang***
- Mengubungi Wakaf Perkuburan
- Memandikan & Mengkafankan Jenazah
- Solat Jenazah
- Talkin

**NOTA**

**Ahli Khairat Kematian Darussalam**

Pada Ahli atau Waris yang diDAFTARKAN dan masih AKTIF sahaja berhak menerima sumbangan / tuntutan kewangan untuk Pengurusan Jenazah seperti yang telah di nyatakan.

**Bukan Ahli atau Ahli Yang Tidak Aktif**

Semua kos pengurusan Jenazah perlulah di tanggung oleh Waris si mati

**TUNTUTAN TANGGUNGAN AHLI**

Bagi tuntutan Tanggungan Ahli, perlu

1. mengisi Borang Tuntutan (ambil di Surau @ whatsapp 013-755 7415 / 017-7798030)
2. Photostat Sijil Kematian
3. Photostat K/P si Mati
4. Tuntutan hanya untuk Tanggungan yang telah **di sahkan** oleh AJK Khairat.

**HUBUNGI PENGURUSAN KHAIRAT KEMATIAN DARUSSALAM TAMAN SCIENTEX. PG.**

**Team Pengurusan Jenazah**

Rahiman : 013-7251639 | Abd Rahim : 013-771 1879

Pn Liza : 011-2971 4791 | Pn Ida : 011-2971 4675

**Pendaftaran, Bayaran & Tuntutan**

Us Rizam (Bendahari) : 013-755 7415 | Wan Marzi (SU) : 011-7007 8030